

DALAM TRIBUNAL KOPERASI MALAYSIA KES NO. T.42-2012

DI PULAU PINANG, MALAYSIA

ANTARA

1. HAJI RAHIM BIN OSMAN ... PEMOHON PERTAMA

2. HAJI LATIB BIN JAAFAR ... PEMOHON KEDUA

DAN

KOPERASI TUNAS MUDA SUNGAI ARA BERHAD ... RESPONDEN

DI HADAPAN

**TUAN HAMIDUN BIN DATUK HAJI ABD FATAH
PENGGERUSI TRIBUNAL KOPERASI**

**TUAN HAJI OSMAN BIN MAT ZAIN
ANGGOTA PANEL SKM**

**TUAN HAJI WAN IBRAHIM BIN WAN JUSOH
ANGGOTA PANEL KOPERASI**

ALASAN PENGHAKIMAN

1. Ini adalah suatu tuntutan oleh Pemohon Pertama dan Pemohon Kedua terhadap penggantungan dan pemecatan mereka dari keanggotaan mereka dalam Responden. Menurut Pemohon Pertama dan Kedua, penggantungan dan seterusnya pemecatan

keanggotaan mereka dalam Responden telah dibuat secara bersalahan dengan Akta Koperasi 1993 (Akta 502) ("Akta 502"), Peraturan-Peraturan Koperasi 2010 dan Undang-Undang Kecil Koperasi ("UUK").

FAKTA KES

2. Pemohon Pertama mempertikaikan keputusan Responden untuk memajukan tanah milik Responden di atas Lot No. 8009, Mukim 12, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang dengan Ideal Properties Development Sdn. Bhd. secara usahasama atas alasan bahawa terdapat 136 orang anggota Responden telah menandatangani rekuisisi supaya perjanjian usahasama tersebut tidak ditandatangani sehingga ia dibentangkan dan diluluskan oleh Mesyuarat Agung Responden. Namun demikian, pada 10 Disember 2008, Responden telah menandatangani Perjanjian Usahasama tersebut tanpa sebarang resolusi Mesyuarat Lembaga Pengarah dan tanpa persetujuan Mesyuarat Agung.

3. Pemohon Pertama telah memfailkan tuntutan kepada Tribunal Suruhanjaya Koperasi Malaysia ("Tribunal") menerusi Kes Tribunal No. T-318-2009 tetapi Tribunal telah mengarahkan supaya Pemohon Pertama memfailkan tuntutannya ke Mahkamah Tinggi kerana relif yang dipohon oleh Pemohon Pertama adalah di luar bidangkuasa Tribunal. Berikutan dengan arahan tersebut, Pemohon Pertama telah mengarahkan Peguambelanya iaitu tetuan Amareson & Meera supaya memfailkan tuntutan Guaman Sivil terhadap Responden di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang. Pada 3 Jun 2010, Tetuan Amareson & Meera telah memfailkan Writ Guaman Sivil N0. 22-570-2010 bagi pihak Pemohon Pertama terhadap Responden.

4. Pada hari tersebut, Pemohon Pertama bersama-sama dengan Pemohon Kedua dan empat orang lain iaitu Haji Ishak Bin Malik, Haji Che Lah Bin Hassan, Encik Kamarudin Bin Bidin dan Haji Arabaye Bin Ibrahim telah turut hadir di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang untuk menyaksikan sendiri pemfailan tuntutan Guaman Sivil tersebut. Semasa mereka berada di perkarangan Mahkamah Tinggi Pulau Pinang, mereka

didatangi oleh beberapa orang yang memperkenalkan diri mereka sebagai pemberita dan bertanyakan apakah yang mereka lakukan beramai-ramai di perkarangan Mahkamah Tinggi tersebut. Pemohon Pertama memaklumkan tujuannya ***bagi mengikuti peguam memfailkan samannya terhadap Koperasi seperti keputusan Tribunal. Butir-butir terperinci telah tidak beliau nyatakan. Pada masa tersebut didapati mereka juga memiliki salinan Writ Saman tersebut yang difahamkan telah diperolehi dari Tetuan Amareson & Meera..***

5. Pada keesokan harinya iaitu 4.6.2010, akhbar Sin Chiew Jit Poh telah menyiarkan gambar Pemohon Pertama dan Pemohon Kedua memegang Writ Guaman Sivil tersebut bersama-sama dengan empat rakan mereka yang dinyatakan di atas beserta dengan laporan akhbar mengenai tuntutan guaman sivil yang telah difailkan oleh Pemohon Pertama terhadap Responden. Akibat daripada itu, salah seorang pegawai rakan usahasama Responden iaitu Ideal Properties Development Sdn. Bhd. telah menghubungi Responden dan mengadu serta mengemukakan keratan akhbar Cina tersebut dan khuatir ianya akan menjejaskan usahasama yang mereka telah persetujui.

6. Responden telah mengeluarkan Surat Tunjuk Sebab bertarikh 6 Julai 2010 yang ditandatangani oleh Pengerusi Ahli Lembaga Koperasi ("ALK") iaitu Encik Mansor Bin Musa (SR1) terhadap Pemohon Pertama, Pemohon Kedua dan empat lagi anggota Responden yang lain untuk menjawab dan memberi penjelasan mengapa keanggotaan mereka dalam Responden tidak boleh digantung kerana telah melanggar Undang-Undang Kecil 23(1)(b) Responden iaitu telah membuat kenyataan akhbar seperti yang disiarkan dalam akhbar Sin Chiew Jit Poh pada 4 Jun 2010 mengenai projek Usahasama Responden dengan Ideal Properties Development Sdn. Bhd. tanpa mendapat kebenaran daripada Responden. Kesemua Pemohon Pertama, Pemohon Kedua dan empat lagi anggota Responden yang lain sebaliknya telah memaklumkan bahawa mereka tidak faham bahasa Cina dan memohon supaya diberikan bukti berdasarkan kepada fakta dan bukti kes yang mereka boleh fahami bagi membolehkan mereka menjawab dan memberi penjelasan seperti yang dikehendaki.

7. Seterusnya Responden telah mewujudkan suatu Jawatankuasa Disiplin pada 20.12.2010 dan mengeluarkan surat kepada Pemohon Pertama, Pemohon Kedua dan empat lagi anggota Responden yang lain supaya menghadiri perjumpaan dengan Ahli Jawatankuasa Disiplin pada 22 Disember 2010 tanpa memberikan apa-apa fakta dan bukti kes kecuai, menurut Responden, salinan gambar Pemohon Pertama, Pemohon Kedua dan empat lagi anggota Responden yang lain yang disiarkan dalam akhbar Cina tersebut dan terjemahan dalam bahasa Inggeris keratan akhbar Cina tersebut dalam 'slide'. Pemohon Pertama tidak menghadiri perjumpaan pada 22 Disember 2010 dan meminta Responden supaya mengaturkan perjumpaan tersebut pada bulan Januari 2011 kerana ada urusan di Kuala Lumpur. Pemohon Kedua juga tidak dapat hadir pada perjumpaan pada 22 Disember 2010 tersebut tetapi empat lagi anggota Responden yang lain telah menghadiri perjumpaan tersebut. Laporan perjumpaan dengan keempat-empat mereka seperti yang dinamakan di atas adalah seperti pada mukasurat 93-95 Ikatan Dokumen Responden (R3).

8. Pemohon Pertama dan Pemohon Kedua telah dimaklumkan oleh Jawatankuasa Disiplin Responden untuk menghadiri perjumpaan dengan Ahli Jawatankuasa Disiplin ("AJK Disiplin") Responden pada 4 Januari 2011 di mana kedua-dua mereka telah menghadirinya. Dalam perjumpaan tersebut, Pemohon Kedua telah menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh ahli Jawatankuasa Disiplin. Pemohon Pertama pula enggan menjawab soalan-soalan AJK Disiplin dan sebaliknya mencabar dan tidak mengiktiraf AJK Disiplin tersebut dan meminta supaya satu Jawatankuasa Disiplin yang bebas dan adil diwujudkan untuk menyiasat beliau kerana tiga orang daripada AJK Disiplin tersebut beliau mendakwa mempunyai masalah peribadi dengannya. Oleh itu, Jawatankuasa Disiplin tersebut telah menamatkan sesi perjumpaan tersebut dan Pengerusi Jawatankuasa Disiplin memaklumkan bahawa rumusan perjumpaan tersebut akan dibentangkan kepada Mesyuarat Lembaga Responden. Sesalinan rumusan perjumpaan tersebut ada dalam mukasurat 98-99 Ikatan Dokumen Responden (R3).

9. Laporan AJK Disiplin tersebut telah dibentangkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Disiplin iaitu Ir. Mansor Bin Musa (SR1) secara lisan kepada Mesyuarat ALK Responden pada 15 Januari 2011. Setelah membincangkan laporan AJK Disiplin, ALK Responden telah memutuskan untuk mengeluarkan surat penggantungan keanggotaan terhadap Pemohon Pertama dan Pemohon Kedua dalam Responden kerana membuat kenyataan akhbar tersebut dan mengeluarkan surat amaran keras terhadap empat lagi anggota Responden yang lain kerana hadir ketika kenyataan akhbar tersebut dibuat.

10. Pemohon Pertama dan Pemohon Kedua telah dimaklumkan oleh ALK mengenai keputusan ALK yang mendapati mereka didapati bersalah kerana membuat kenyataan akhbar di dalam akhbar Sin Chiew Jit Poh seperti yang disiarkan pada 4 Jun 2010 mengenai projek usahasama tersebut tanpa kebenaran Lembaga Pengarah Responden melalui surat Responden bertarikh 31 Januari 2011. Pemohon Pertama dan Pemohon Kedua seterusnya dimaklumkan mengenai keputusan Responden menggantung keanggotaan mereka dalam Responden melalui surat Responden bertarikh 9 Februari 2011 dan berkuat kuasa pada tarikh tersebut kerana telah melanggar peruntukan Undang-Undang Kecil 23(1)(b) UUK Responden. Pemohon Pertama dan Pemohon Kedua dan empat lagi anggota Responden yang lain terkilan dan tidak berpuas hati dengan keputusan ALK Responden telah merujuk pertikaian ini kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia ("SKM") pada 4 Mei 2011.

11. Seterusnya melalui surat bertarikh 30.5.2011, Responden telah memaklumkan kepada Pemohon Pertama dan Pemohon Kedua bahawa Responden akan membentangkan penggantungan ke atas mereka pada Mesyuarat Agong ke-39 Responden iaitu pada 19.6.2011 beserta dengan Notis Mesyuarat Agong Tahunan ke-39 bertarikh 20.5.2011 seperti di mukasurat 110-112 Ikatan Dokumen Responden (R3). Pada 6.6.2011, SKM telah mengeluarkan Surat Izin Untuk Merujuk Pertikaian Kepada Mahkamah Tribunal Koperasi bertarikh 26 Mei 2011 kepada Pemohon Pertama, Pemohon Kedua dan empat lagi anggota Responden yang lain.

12. Sebaik menerima surat izin daripada SKM, Pemohon Pertama telah menyerahkan kepada Setiausaha Responden melalui surat bertarikh 16 Jun 2011 mengenainya dan diakui terima oleh Responden pada 17 Jun 2011. Pemohon Pertama dan Pemohon Kedua tidak menghadiri Mesyuarat Agong Tahunan Responden ke-39 ("MAT") tersebut kerana menghormati keputusan SKM supaya pertikaian tersebut dirujuk kepada Tribunal. Walau bagaimanapun, Responden tetap membentangkan laporan agenda mengenai penggantungan ke atas Pemohon Pertama dan Pemohon Kedua dan membuat pengundian di mana lebih daripada dua pertiga (2/3) daripada anggota Responden yang menghadiri MAT tersebut telah mengundi memutuskan untuk memecat keanggotaan Pemohon Pertama dan Pemohon Kedua dalam Responden. Empat lagi anggota Responden yang lain iaitu Haji Ishak Bin Malik, Haji Che Lah Bin Hassan, Encik Kamarudin Bin Bidin dan Haji Arabaye Bin Ibrahim telah tidak meneruskan pertikaian mereka terhadap Responden di hadapan Tribunal ini.

13. Kedua-dua pihak Pemohon Pertama dan Pemohon Kedua dan Responden telah mengemukakan Penghujahan Bertulis dan Penghujahan Lisan masing-masing. Daripada penghujahan-penghujahan bertulis dan lisan tersebut, terdapat beberapa isu utama yang telah dibangkitkan oleh Pihak-Pihak yang bertikai yang memerlukan pertimbangan dan keputusan dibuat oleh Tribunal. Isu-isu utama dalam kes ini adalah seperti berikut:

ISU PERTAMA: SKOP RUJUKAN PERTIKAIAN PEMOHON-PEMOHON

- (i) Sama ada rujukan pertikaian yang dirujuk oleh Pemohon Pertama dan Kedua ke atas penggantungan keanggotaan mereka dalam Responden tidak mencukupi untuk merangkumi isu pemecatan keanggotaan mereka dalam Responden dan oleh yang demikian, ia hanyalah berbentuk akademik untuk dipertimbangkan oleh Tribunal?

- (ii) Samada Surat Izin yang dikeluarkan oleh SKM untuk merujuk pertikaian Pemohon Pertama dan Pemohon Kedua hendaklah dihormati oleh setiap Pihak-Pihak dalam Prosiding ini dan dengan demikian Responden tidak sepatutnya meneruskan dengan tindakan pemecatan keanggotaan Pemohon Pertama dan Pemohon Kedua sehinggalah pertikaian ke atas penggantungan Pemohon Pertama dan Pemohon Kedua diputuskan terlebih dahulu oleh Tribunal?

ISU KEDUA: SAMADA PENGANTUNGAN DAN PEMECATAN KEANGGOTAAN PEMOHON PERTAMA DAN PEMOHON KEDUA DALAM RESPONDEN ADALAH SAH?

- (i) Samada pertuduhan oleh Responden bahawa Pemohon Pertama dan Pemohon Kedua membuat kenyataan akhbar telah dibuat tanpa penyiasatan dan pengesahan terlebih dahulu?
- (ii) Sama ada kegagalan Responden untuk membekalkan bukti-bukti pertuduhan kepada Pemohon Pertama, Pemohon Kedua dan empat lagi anggota Responden yang lain telah memprejudis keupayaan mereka untuk menjawab surat tunjuk sebab yang dikeluarkan oleh Responden terhadap mereka?
- (iii) Adakah komposisi Jawatankuasa Disiplin Responden teratur?
- (iv) Adakah Jawatankuasa Disiplin Responden gagal menyiasat dan/atau mengesahkan kenyataan akhbar Cina tersebut pada perjumpaan pada 22 Disember 2010 dan 4 Januari 2011 dan bersikap adil?
- (v) Sama ada Responden telah berlaku adil apabila membuat keputusan pada Mesyuarat ALK bertarikh 15.01.2011 untuk mensabitkan Pemohon Pertama dan Pemohon Kedua kerana telah membuat kenyataan akhbar

manakala empat lagi anggota Responden yang lain yang turut dituduh tidak disabitkan di atas bukti yang sama?

ISU KETIGA: GANTIRUGI DAN KOS

- (i) Sama ada Pemohon Pertama dan Pemohon Kedua berhak menuntut gantirugi ke atas penggantungan dan pemecatan keanggotaan mereka di dalam Responden?
- (ii) Sama ada Pemohon Pertama dan Pemohon Kedua berhak menuntut kos terhadap Responden di dalam prosiding di hadapan Tribunal?

Tribunal akan menangani setiap isu yang dinyatakan di atas dalam turutan berikut.

ISU PERTAMA: SKOP RUJUKAN PERTIKAIAN PEMOHON-PEMOHON

- (i) Sama ada rujukan pertikaian yang dirujuk oleh Pemohon Pertama dan Kedua ke atas penggantungan keanggotaan mereka dalam Responden tidak mencukupi untuk merangkumi isu pemecatan keanggotaan mereka dalam Responden dan oleh yang demikian, ia hanyalah berbentuk akademik untuk dipertimbangkan oleh Tribunal?

14. Berhubung dengan isu ini, Responden telah mengemukakan bahawa rujukan pertikaian yang dibuat oleh Pemohon Pertama dan Pemohon Kedua kepada SKM pada 4 Mei 2011 adalah berkenaan penggantungan mereka di dalam Responden dan bukannya berkaitan dengan pemecatan mereka dan bahawa isu mengenai penggantungan mereka telah menjadi akademik akibat pemecatan ke atas mereka dan dengan demikian pertikaian ini hendaklah ditolak oleh Tribunal.

15. Responden seterusnya menghujahkan bahawa sekiranya pertikaian ini ditolak di atas persoalan mengenai kesesuaian rujukan pertikaian kepada Tribunal, Pihak Pemohon-Pemohon akan terikat dengan prinsip undang-undang berkenaan prinsip *Res Judicata* dan isu *Estoppel* iaitu bahawa apabila Pemohon-Pemohon gagal untuk mengemukakan suatu tindakan secara menyeluruh dalam suatu tuntutan, mereka dihalang daripada memfailkan suatu tuntutan baru untuk memohon relif-relif yang patut dan boleh dipohon dalam tuntutan terdahulu. Prinsip ini menghalang pihak litigant mendapatkan “second bite to the cherry” dan untuk mengelakkan litigasi berulang di Mahkamah atau di Tribunal.

16. Peguam Pemohon Pertama dan Pemohon Kedua sebaliknya berhujah bahawa tindakan Pemohon Pertama dan Kedua dalam rujukan pertikaian mereka kepada SKM adalah sememangnya selaras dengan peruntukan UUK Responden dan dengan adanya surat SKM untuk merujuk pertikaian Pemohon Pertama dan Kedua ke Tribunal, mereka tidak sepatutnya dipecat keanggotaan mereka dalam Responden terlebih dahulu dan sepatutnya Responden menunggu sehingga pertikaian yang dirujuk oleh Pemohon Pertama dan Kedua diputuskan oleh Tribunal.

17. Tribunal telah mengemukakan soalan kepada peguam Pemohon Pertama dan Kedua iaitu sama ada beliau bermaksud sekiranya apabila sesuatu pertikaian dirujuk kepada SKM dan keputusan telah dibuat supaya pertikaian tersebut dirujuk kepada Tribunal di mana perkara yang dipertikaikan masih lagi belum diputuskan secara muktamad oleh pihak yang bertikai, maka pihak yang dipertikaikan tidak boleh meneruskan tindakan yang dipertikaikan walaupun tindakan tersebut mematuhi peruntukan UUK Koperasi dan sebaliknya hendaklah menangguhkan apa-apa tindakan seterusnya untuk diputuskan oleh Tribunal dan bahawa peruntukan manakah, sama ada dalam Akta, Peraturan atau UUK yang menyokong tafsiran tersebut?

18. Peguam Pemohon menjawab “*Saya mengatakan ya, namun begitu tiada peruntukan yang spesifik sama ada dalam Akta, Peraturan atau UUK yang diperuntukkan*”. Dalam penghujahan menyangkal (*rebuttal*), Peguam Responden menghujahkan bahawa Peguam Pemohon-Pemohon gagal untuk menjawab isu yang dikemukakan iaitu tiada apa-apa pertikaian yang dirujuk berkenaan soal pemecatan.

19. Tribunal telah meneliti peruntukan Akta 502 dan seksyen 83(2) Akta Koperasi 1993 dan mendapati ada pruntukan jelas yang memberikan bidang kuasa kepada Tribunal untuk mendengar pertikaian dan membuat keputusan yang mengikat ke atas pihak-pihak yang berkaitan jika SKM merujuk pertikaian itu kepada Tribunal untuk didengar dan ditentukan pertikaian tersebut mengikut seksyen 82(1) Akta Koperasi 1993 (Akta 502). Semua pertikaian berkaitan dengan UUK, pemilihan pegawai-pegawai, perjalanan mesyuarat-mesyuarat agung dan perkara lain yang disebut dalam seksyen 82(1) boleh didengar dan ditentukan oleh Tribunal Koperasi ini sebaik sahaja izin diperolehi daripada SKM. Seksyen 82(1)(b) Akta Koperasi 1993 (Akta 502) memperuntukkan seperti berikut:

82. “Penyelesaian pertikaian

(1) *Jika pertikaian yang menyentuh penubuhan, undang-undang kecil, pemilihan pegawai-pegawai, perjalanan mesyuarat-mesyuarat agung, pengurusan atau perniagaan suatu koperasi berdaftar berbangkit-*

(a);

(b) *Di antara seorang anggota, bekas anggota, atau orang yang menuntut melalui seorang anggota, bekas anggota atau anggota yang mati dengan koperasi itu, Lembaga atau mana-mana pegawai koperasi itu;*

(c); *atau*

(d);

pertikaian itu hendaklah dirujuk kepada Suruhanjaya bagi keputusannya.

Dengan ini, Tribunal membuat dapatan bahawa seksyen 82(1)(b) adalah terpakai untuk kes ini.

20. Dalam pada itu juga, perkara mengenai penggantungan dan pemecatan keanggotaan mana-mana ahli Responden adalah diperuntukkan dalam UUK 23(1)(b), (2), (3) dan (4) UUK Responden. Peruntukan-peruntukan ini jelas melarang mana-mana anggota membuat kenyataan dalam media mengenai Responden tanpa kebenaran Responden. Responden hendaklah memaklumkan kepada setiap anggotanya yang digantung di bawah UUK 23(1) dan setiap kes penggantungan mana-mana anggota Responden hendaklah dibentangkan dalam MAT yang terawal dan dijadikan agenda yang pertama dan anggota yang digantung keanggotaannya hendaklah diberitahu secara bertulis tidak kurang lima belas (15) hari sebelum diadakan mesyuarat, berkaitan tarikh, masa, tempat dan haknya untuk membela diri akan dijalankan di mesyuarat itu. MAT hendaklah mendengar penjelasan anggota yang digantung sebelum mengesahkan atau mengenenepikan penggantungan mereka dan keanggotaan anggota yang digantung tidak lucut melainkan jika dua pertiga (2/3) daripada anggotanya yang hadir membuat keputusan untuk membuangnya.

21. Dengan kata lain, tindakan untuk memecat keanggotaan Pemohon Pertama dan Pemohon Kedua pada MAT ke-39 Responden pada 19 Jun 2010 hendaklah didahului dengan penggantungan keanggotaan mereka di bawah UUK 23(1)(b). Tindakan pemecatan keanggotaan mereka adalah tindakan susulan ke atas penggantungan mereka di bawah UUK 23(1)(b). Sekiranya Tribunal mendapati bahawa penggantungan ke atas Pemohon Pertama dan Pemohon Kedua adalah tidak sah, maka apa-apa keputusan Responden dalam MAT ke-39 untuk memecat keanggotaan mereka juga adalah tidak sah.

22. Kegagalan atau ketiadaan tindakan oleh kedua-dua Pemohon untuk merujukkan pertikaian mereka ke atas pemecatan keanggotaan mereka dalam Responden tidak menjadikan Surat Izin yang dikeluarkan oleh SKM pada 26 Mei 2011 untuk merujukkan pertikaian ke atas penggantungan keanggotaan mereka dalam Responden sebagai berbentuk akademik semata-mata. Ia tidak menjejaskan kuasa Tribunal untuk mendengar pertikaian ini dan membuat keputusan dengan sewajarnya mahupun menghalang Pemohon daripada meneruskan rujukan pertikaian yang telah difailkan pada 4 Mei 2011.

ISU PERTAMA: SKOP RUJUKAN PERTIKAIAN PEMOHON-PEMOHON

(ii) Sama ada Surat Izin yang dikeluarkan oleh SKM untuk merujukkan pertikaian Pemohon Pertama dan Pemohon Kedua hendaklah dihormati oleh setiap Pihak-Pihak dalam Prosiding ini dan dengan demikian Responden tidak sepatutnya meneruskan dengan tindakan pemecatan keanggotaan Pemohon Pertama dan Pemohon Kedua sehinggalah pertikaian ke atas penggantungan pemohon Pertama dan Pemohon Kedua diputuskan terlebih dahulu oleh Tribunal?

23. Berhubung dengan perenggan (ii) Isu Pertama ini, Peguam Pemohon Pertama dan Pemohon Kedua menghujahkan bahawa walaupun agenda berkenaan penggantungan Pemohon Pertama dan Kedua dibentangkan dalam MAT terdekat, dalam UUK Responden ada peruntukan mengatakan sebarang pertikaian hendaklah dirujuk kepada SKM iaitu UUK 23 (3) dan 79 (1), (2) dan (3). Oleh yang demikian, apabila penggantungan Pemohon Pertama dan Kedua dalam MAT ke-39 tersebut dibentangkan, MAT sepatutnya menangguhkan pembentangan kes penggantungan Pemohon Pertama dan Kedua sehingga pelupusan pertikaian mereka oleh Tribunal. Namun begitu, dalam jawapan subperenggan (2) dan (3) kepada soalan 8 dalam R11,

SR1 menegaskan bahawa suatu perintah Mahkamah diperlukan bagi menghalang Responden daripada membentangkan kes Pemohon-Pemohon ke MAT. Walaupun begitu, SR1 bersetuju bahawa sekiranya Pemohon-Pemohon merujuk pertikaian mereka kepada Mahkamah, mereka akan dianggap sebagai telah memudaratkan kepentingan koperasi dan boleh dikenakan tindakan menurut UUK 23.

24. Peguam Pemohon-Pemohon menghujahkan bahawa keterangan oleh SR1 ini adalah bercanggah dengan keterangan yang diberikan olehnya di mana beliau pada sebelah tangan, menegaskan bahawa suatu perintah Mahkamah diperlukan bagi menghalang Responden daripada membentangkan kes Pemohon-Pemohon ke Mesyuarat Agung tetapi di tangan yang sebelah lagi, bersetuju bahawa sekiranya Pemohon-Pemohon merujuk pertikaian mereka kepada Mahkamah, mereka akan dianggap sebagai telah memudaratkan kepentingan koperasi dan boleh dikenakan tindakan menurut UUK 23. Peguam Pemohon Pertama dan Kedua juga merujuk Tribunal kepada peruntukan subperenggan UUK 79 (2) yang menyatakan:-

“(2) Mana-mana anggota yang dibuktikan telah membuat pengaduan atau merujuk pertikaianya kepada mana-mana orang selain daripada Suruhanjaya hendaklah dianggap telah bertindak dengan cara yang memudaratkan kepentingan Koperasi dan boleh dikenakan tindakan menurut undang-undang kecil 23.”

25. Peguam Pemohon-Pemohon menghujahkan bahawa walaupun ia adalah wajib dan berpatutan untuk Pemohon-Pemohon merujuk pertikaian mereka kepada SKM, hakikatnya adalah Responden tidak mengendahkan surat SKM bertarikh 06.06.2011 yang telah mengeluarkan Surat Izin Untuk Merujuk Pertikaian kepada Tribunal Koperasi bertarikh 26.5.2011 dan meneruskan dengan pembentangan penggantungan keanggotaan dan pemecatan keanggotaan Pemohon Pertama dan Pemohon Kedua

walaupun Pemohon Pertama dan Pemohon kedua telah diberi izin oleh SKM untuk merujuk pertikaian mereka terhadap penggantungan keanggotaan mereka kepada Tribunal.

26. Peguam Responden pula menghujahkan bahawa sekiranya Pemohon-Pemohon membuat permohonan kepada SKM supaya pendengaran ke atas penggantungan mereka ditangguhkan daripada dibincangkan dalam MAT terdekat dan sekiranya SKM meluluskan untuk menangguhkan pendengaran penggantungan tersebut, ia akan terjumlah kepada suatu penggantungan operasi UUK 23 (3) dan (4) dan MAT tersebut hendaklah menangguhkan pendengaran penggantungan tersebut sehingga isu berkenaan diputuskan oleh Tribunal. Dalam kes ini, tiada permohonan sedemikian telah dibuat oleh Pemohon-Pemohon.

27. Berkenaan dengan pemecatan Pemohon-Pemohon, isu yang dibangkitkan oleh Pemohon-Pemohon ialah sama ada surat rujukan pertikaian mereka telah diarahkan oleh SKM untuk dirujuk kepada Tribunal mempunyai kesan sebagai menggantung pembentangan ke atas penggantungan Pemohon-Pemohon pada MAT terdekat. Peguam Responden juga menghujahkan bahawa surat izin SKM tidak terjumlah sebagai suatu penggantungan terhadap pembentangan mengenai penggantungan keanggotaan Pemohon-Pemohon itu dalam MAT terdekat.

28. Beliau menambah bahawa tiada apa-apa peruntukan sama ada dalam UUK, Akta atau Peraturan yang menghalang Responden daripada meneruskan dengan agenda pemecatan pada MAT terdekat walaupun surat rujukan pertikaian telah dikeluarkan berkenaan isu penggantungan oleh SKM. Walau apapun, Pemohon-Pemohon sendiri telah gagal untuk hadir ketika MAT diadakan dan memohon anggota-anggota untuk menangguhkan agenda berkenaan penggantungan dan pemecatan mereka.

29. Setelah meneliti hujahan oleh Pihak-Pihak dalam kes ini, Tribunal mendapati bahawa tindakan Responden membawa kes penggantungan ini ke MAT yang ke-39 pada 19.6.2011 adalah teratur kerana Notis Mesyuarat Agung yang ke-39 telah dikeluarkan pada 20.5.2011. Oleh yang demikian Responden telah memenuhi kehendak UUK 23 (3) yang menyebut:

“Tiap-tiap kes penggantungan hendaklah **dibentangkan kepada Mesyuarat Agung yang terawal dan dijadikan sebagai agenda pertama** dan **anggota yang digantung keanggotaannya hendaklah diberitahu secara bertulis tidak kurang daripada lima belas hari** sebelum diadakan mesyuarat berkaitan tarikh, masa, tempat dan haknya untuk membela diri akan dijalankan di mesyuarat itu”.

30. Oleh kerana Notis Mesyuarat Agung Tahunan Ke 39 (Rujuk m.s. 110-112 R3) telah dikeluarkan kepada Anggota Responden, agenda tersebut ***hendaklah diteruskan***. UUK 23(4) hanya memberi kuasa kepada MAT untuk sama ada mengesahkan atau mengenyahkan penggantungan anggota tersebut. Seterusnya, terpulanglah kepada anggota yang hadir pada MAT ke-39 Responden sama ada mengundi untuk melucutkan atau tidak keanggotaan Pemohon-Pemohon Pertama dan Kedua.

31. Isu sama ada perkara yang menjadi pertikaian sewajarnya diteruskan oleh Responden iaitu mengenai pengantungan dan pemecatan keanggotaan Pemohon-Pemohon Pertama dan Kedua pada MAT ataupun ditangguhkan untuk dirujuk dan diputuskan oleh Tribunal sebenarnya tidak timbul kerana Tribunal mempunyai bidang kuasa untuk mendengar kes ini walaupun MAT telah memutuskan untuk memecat keanggotaan Pemohon-Pemohon Pertama dan Kedua pada MAT Responden ke-39 pada 19 Jun 2011 di atas alasan yang dinyatakan pada perenggan-perenggan 28 dan 29 diatas.

ISU KEDUA: SAMADA PENGGANTUNGAN DAN PEMECATAN KEANGGOTAAN PEMOHON PERTAMA DAN PEMOHON KEDUA DALAM RESPONDEN ADALAH SAH?

32. Pemohon Pertama dan Pemohon Kedua menghujahkan bahawa penggantungan dan pemecatan keanggotaan mereka telah dilaksanakan tanpa pembuktian asas pertuduhan. Mereka juga menghujahkan bahawa cara kes ini dikendalikan oleh Responden dari segi penyiasatan, pertimbangan serta cara keputusan dibuat adalah salah, tidak konsisten, tidak munasabah dan tidak adil langsung kepada Pemohon-Pemohon. Peguam Pemohon-Pemohon menghujahkan pertuduhan bahawa Pemohon Pertama dan Pemohon Kedua membuat kenyataan akhbar telah dibuat tanpa penyiasatan dan pengesahan terlebih dahulu.

33. Pemohon-Pemohon Pertama dan Kedua mengatakan bahawa mereka beserta empat (4) lagi orang anggota Responden dituduh membuat kenyataan akhbar yang disiarkan dalam akhbar Cina Sin Chiew Jit Poh yang disiarkan pada 04 Jun 2010. Mengikut Pemohon-Pemohon, tanpa suatu terjemahan yang sah, Responden telah mengadakan suatu Mesyuarat Khas pada 03.07.2010 di mana diputuskan keputusan untuk mengambil tindakan terhadap Pemohon Pertama, Pemohon Kedua dan empat lagi anggota Responden. Peguam Pemohon-Pemohon menghujahkan bahawa **SP3** telah mengakui bahawa Mesyuarat Khas tersebut hanya "*membincangkan kepada gambar yang disiarkan dalam akhbar Cina tersebut seperti yang dirujuk pada ms 1 R7.*" (**rujuk perenggan ketiga dari bawah di muka surat 35 Nota Prosiding.**) SP3 juga mengesahkan bahawa keputusan Mesyuarat Khas untuk mengambil tindakan terhadap Pemohon Pertama, Pemohon Kedua dan empat anggota yang dituduh adalah diputuskan berdasarkan kepada gambar keratan akhbar Cina tersebut. (**rujuk perenggan kedua dari bawah di muka surat 35 Nota Prosiding.**) SP3 juga mengakui bahawa tiada penerangan oleh anggota Cina kepada kesemua atau mana-mana daripada mereka yang dikeluarkan surat tunjuk sebab pada mesyuarat bertarikh

4.1.2011 (rujuk perenggan dua dan tiga dari bawah dimuka surat 41 Nota Prosiding dan perenggan satu dan dua dari atas di muka surat 48 Nota Prosiding)

34. Berdasarkan kepada fakta bahawa **Pemohon Pertama, Pemohon Kedua dan empat anggota yang dituduh telah dituduh dibawah pertuduhan yang sama** seperti dalam Surat-Surat Tunjuk Sebab di muka surat 74-79 dalam R3, ia adalah jelas bahawa Mesyuarat Khas telah hanya membuat keputusan berdasarkan kepada gambar keratan akhbar Cina tersebut sahaja yang merakamkan gambar keenam-enam yang dituduh. Malahan Responden hanya mendapatkan terjemahan keratan akhbar Cina yang sah pada 20 Disember 2010 iaitu lima (5) bulan dan tujuh-belas (17) hari dari tarikh Mesyuarat Khas pada 03.07.2010 diadakan (**rujuk muka surat 71-73 dalam R3**). Peguam Pemohon-Pemohon mempertikaikan terjemahan keratan akhbar Cina tersebut yang dikatakan oleh Responden telah dibuat oleh salah seorang kakitangan Ideal Properties Development Sdn. Bhd. tetapi tidak disertakan dalam mana-mana ikatan-ikatan dokumen dalam prosiding ini dan hanya dikemukakan pada hari terakhir perbicaraan ini.

35. Peguam Pemohon-Pemohon menghujahkan bahawa suatu dokumen yang amat dicurigai terhadap keesahannya (*authenticity*) yang tidak menyatakan identiti penterjemahnya yang juga tidak dipanggil sebagai saksi untuk mengesahkan dokumen tersebut adalah jelas merupakan suatu produk fikiran kemudian (*afterthought*) dan tidak patut dipertimbangkan oleh Tribunal yang Mulia ini. Peguam Pemohon-Pemohon juga mempertikaikan terjemahan dalam “R13” tersebut, di mana pada perenggan terakhir dokumen tersebut menyatakan “*The Claimant was in High Court with 10 other members of Koperasi Tunas Muda in Thursday.*”, dan Responden sepatutnya akan mengambil tindakan ke atas sepuluh anggota dan bukannya hanya enam anggota sahaja.

36. Peguam Pemohon-Pemohon juga merujuk kepada jawapan SP3 apabila diminta oleh Tribunal Yang Mulia ini iaitu “*Hasil siasatan juga mengatakan bahawa gambar*

dalam keratan akhbar Cina dan penerangan anggota berbangsa Cina itu mencukupi untuk membuat pertuduhan ke atas mereka. Apakah keterangan atau bukti yang diterima yang mengatakan kesemua mereka sama ada bersendirian atau bersama-sama telah membuat kenyataan akhbar itu?”, SP3 menjawab “Tidak ada”. (rujuk perenggan ketiga dari bawah di mukasurat 41 dalam Nota Prosiding.)

37. Peguam Responden menghujahkan bahawa **UUK 23(2) (m/s 144 R3)** Responden memperuntukkan bahawa:-

“(2) Keputusan untuk menggantung keanggotaan seseorang anggota boleh dibuat oleh Lembaga hanya setelah anggota yang berkenaan itu diberitahu secara bertulis mengenai tuduhan yang jelas terhadapnya dan diberi peluang untuk menyatakan sebab mengapa keanggotaannya tidak boleh digantung.”

38. Menurut Peguam Responden, Ir Mansor Bin Musa (**SR1**) telah menerangkan bahawa seorang kakitangan rakan usahasama Responden, Ideal Properties Development Sdn Bhd telah menghantar salinan keratan akhbar berbahasa Cina Sin Chew Jit Poh bertarikh 4.6.2010 (keratan suratkhbar Cina tersebut) bersama-sama terjemahannya kepada beliau (seperti dalam **ekshibit R13**). Keratan suratkhbar Cina tersebut (**ekshibit R13**) telah dibincangkan dalam Mesyuarat Khas Lembaga pada 3.7.2010 di mana Lembaga telah memutuskan untuk mengeluarkan Surat-Surat Tunjuk Sebab bertarikh 6.7.2010 (**m/s 74 - 79 R3**) kepada Pemohon-Pemohon dan 4 anggota lain Responden yang terdapat dalam gambar yang disiarkan dalam keratan suratkhbar Cina tersebut.

39. Peguam Responden juga menghujahkan bahawa Pemohon-Pemohon telah dikemukakan semua keterangan yang sedia ada berkenaan pertuduhan terhadap mereka tetapi telah gagal menjawab pertuduhan terhadap mereka sama ada secara

bertulis ataupun secara lisan ketika mesyuarat AJK Displin tersebut. Pemohon-Pemohon gagal memberikan apa-apa penerangan bagaimana kenyataan akhbar tersebut dapat dilaporkan walaupun mengaku bahawa gambar-gambar mereka ada dalam keratan suratkhbar Cina tersebut. Peguam Responden merujuk Tribunal kepada jawapan yang diberikan oleh Pemohon Pertama dalam **P9 (S & J 5)** ketika perbicaraan dihadapan Tribunal ini berkenaan kehadiran di Mahkamah pada 4.6.2010 itu adalah seperti berikut:-

“Saya bersama beberapa orang anggota Koperasi Tunas Muda Sungai Ara turut hadir di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang bagi menyaksikan dan memastikan Saman Guaman Sibil No.22-370-2010 tersebut difailkan. Selepas Guaman Sibil tersebut difailkan, saya mendapatkan sesaliran untuk rujukan dan simpanan saya. Sebaik sahaja kami berada di perkarangan Mahkamah, kami didatangi beberapa orang yang memperkenalkan diri mereka sebagai pemberita akhbar dan bertanya tujuan kami berada di Mahkamah. Saya menjelaskan tujuan kami berada bagi mengikuti peguam memfailkan saman saya terhadap Koperasi seperti keputusan Tribunal. Butir-butir terperinci telah tidak saya nyatakan. Pada masa tersebut didapati mereka juga memiliki salinan Writ Saman tersebut yang difahamkan telah diperolehi dari Tetuan Amareson & Meera.”

40. Peguam Responden menghujahkan bahawa jawapan Pemohon Pertama adalah suatu **“afterthought”** ataupun fikiran kemudian di mana Pemohon Pertama tidak pernah mengemukakan apa-apa penerangan sedemikian samada secara bertulis atau secara lisan sebelum perbicaraan pertikaian ini kepada Responden. Selanjutnya Pemohon Pertama juga gagal untuk memanggil peguamcaranya dalam Guaman Sivil No.22-370-2010 iaitu Encik Amareson untuk memberikan keterangan untuk menyokong jawapannya itu dan oleh itu pihak Responden berhujah bahawa suatu **“adverse inference”** terhadap Pemohon-Pemohon di bawah Seksyen **114(g) Akta Keterangan 1950 (TAB C)** harus ditimbulkan.

BEBAN PEMBUKTIAN

41. Peguam Responden seterusnya merujuk Tribunal kepada **seksyen 101 Akta Keterangan 1950 (TAB B)** yang berbunyi:-

“Whoever desires any court to give any judgment as to any legal right or liability dependant on the existence of fact, which he asserts, must prove those facts do exist.”

Dalam pertikaian ini, beban pembuktian tersebut jatuh di atas Pemohon-Pemohon yang mana adalah diujahkan telah gagal untuk melepaskan (discharge) beban tersebut dan oleh itu tuntutan mereka tersebut haruslah ditolak di mana Pemohon-Pemohon telah **gagal membuktikan** bahawa penggantungan dan pemecatan mereka adalah tidak sah.

42. Peguam Pemohon-Pemohon sebaliknya mengemukakan hujahan menyangkal (*rebuttal*) bahawa saksi-saksi penting Responden seperti pemberita, jurugambar dan atau mana-mana lagi kakitangan dari pihak surat khabar Cina Sin Chew Jit Poh tidak dipanggil sebagai saksi walaupun adanya banyak hari perbicaraan dan tempoh masa yang panjang di antaranya. Pemberita kononnya telah ditukarkan ke Singapura, tetapi identiti si pemberita ini tidak dimaklumkan langsung kepada Tribunal. Saksi-saksi penting seperti jurubank dan atau kakitangan Ideal Properties Development Sdn. Bhd. juga tidak dipanggil sebagai saksi untuk memberi keterangan.

43. Dalam jawapannya, Peguam Responden menghujahkan bahawa beban pembuktian dalam kes ini adalah di atas Pemohon-Pemohon dan oleh itu Pemohon-Pemohon yang harus memanggil mana-mana saksi untuk menyokong tuntutannya di hadapan Tribunal ini. Peguam Responden seterusnya menghujahkan bahawa keterangan SR1 adalah memadai untuk menjawab tuntutan Pemohon-Pemohon.

Walaubagaimanapun, berkenaan Pemberita surat khabar Cina tersebut, SR1 telah menerangkan bahawa pemberita tersebut tidak dapat dikesan. Saksi-saksi lain yang dirujuk oleh Peguam Pemohon seperti jurubank dan kakitangan Ideal Properties Developent Sdn. Bhd. adalah tidak relevan untuk pembelaan Responden.

DAPATAN OLEH TRIBUNAL

44. Setelah meneliti hujahan-hujahan Peguam-Peguam Pemohon-Pemohon dan Responden, Tribunal membuat dapatan bahawa asas pertuduhan yang dinyatakan dalam Surat Tunjuk Sebab sebagaimana yang diputuskan oleh Mesyuarat Khas ALK pada 3.7.2010 adalah berdasarkan kepada keratan akhbar Cina Sin Chiew Jit Poh yang menyiarkan gambar Pemohon Pertama dan Pemohon Kedua dan empat lagi anggota Responden seperti yang dinamakan di atas. Walaupun SR1 memaklumkan bahawa Mesyuarat Khas pada 3.7.2010 turut menimbangkan terjemahan keratan akhbar Cina yang disediakan oleh salah seorang kakitangan Ideal Properties Development Sdn. Bhd., namun kegagalan Responden memanggil orang berkenaan adalah satu kegagalan yang material. Pemohon-Pemohon mempertikaikan kebenaran bahawa terjemahan itu dibuat pada tarikh seperti yang dinyatakan oleh SR1. Ini adalah kerana jika terjemahan seperti dalam R13 telah disediakan dan dibincangkan seawal 3.7.2010, mengapakah R 13 tidak dikemukakan dalam Ikatan Dokumen Responden. Malahan ia hanya dikemukakan pada hari terakhir perbicaraan selepas berulang kali diminta oleh Tribunal. Satu perkara yang menarik perhatian Tribunal adalah kedua-dua terjemahan pada mukasurat 73 R3 dan pada perenggan terakhir R13 menyebut bahawa Pemohon turut hadir bersama dengan 10 (sepuluh) orang yang lain.

45. Sebaliknya gambar yang disiarkan dalam keratan akhbar tersebut yang menjadi asas untuk pertuduhan dalam Surat Tunjuk Sebab hanya menunjukkan enam orang sahaja yang hadir di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang pada masa kenyataan akhbar itu dituduh dilakukan oleh Pemohon Pertama, Pemohon Kedua dan empat lagi anggota Responden yang turut dituduh. Tiada penerangan diberikan oleh Responden dan tindakan Responden untuk tidak memanggil penterjemah terjemahan pada mukasurat

71-73 R3, R13 atau pemberita dan jurugambar Sin Chiew Jit Poh yang menulis dan menyiarkan laporan akhbar dan gambar Pemohon-Pemohon dan empat lagi anggota Responden yang turut dituduh adalah satu kegagalan melepaskan beban pembuktian di pihak Responden yang material.

46. Responden juga ada melampirkan suatu terjemahan dalam R3 di mukasurat 71-73 bertarikh 20 Disember 2010 yang disediakan oleh penterjemah Mahkamah Tinggi Pulau Pinang. Namun demikian, penterjemah Mahkamah Tinggi Pulau Pinang ini juga tidak dipanggil untuk menerangkan tentang kandungan kenyataan dalam keratan akhbar Cina tersebut. Malahan ia juga tidak pernah dirujuk oleh Responden ataupun saksi Responden iaitu SR1 ataupun keterangan dikemukakan bahawa ia dirujuk oleh ALK mahupun MAT Responden ke-39. Tambahan lagi, SP3 iaitu Setiausaha Responden memberi keterangan yang bercanggah dengan keterangan yang diberikan oleh SR1 iaitu bahawa terjemahan seperti pada mukasurat 71 R3 telah dirujuk oleh Mesyuarat Khas Lembaga pada 3.7.2010 sedangkan terjemahan tersebut hanya disediakan pada 20 Disember 2010. Tiada penerangan diberikan oleh Peguam Responden mengenai percanggahan keterangan antara SR1 dan SP3 di mana kedua-dua mereka adalah ALK Responden yang turut menganggotai Jawatankuasa Disiplin Responden.

47. Daripada Nota Keterangan pada mukasurat 34 hingga 37, SP3 memberi keterangan bahawa keratan akhbar Cina tersebut tidak dibekalkan kepada Pemohon Pertama, Pemohon Kedua ataupun empat lagi anggota Responden yang turut dituduh. Semasa perjumpaan pada 22 Disember 2010, SP3 juga turut memberi keterangan bahawa tiada terjemahan atau penjelasan diberikan kepada keempat-empat anggota Responden yang lain yang turut dituduh dalam Surat Tunjuk Sebab. SP3 turut memberi keterangan bahawa walaupun Pemohon Pertama, Pemohon Kedua dan empat lagi anggota Responden yang lain yang turut didakwa meminta untuk dibekalkan bukti bahawa mereka telah membuat kenyataan akhbar, kecuali keratan gambar dan laporan

akhbar dalam bahasa Cina yang disiarkan dalam akhbar Sin Chiew Jit Poh, Responden tidak membekalkan apa-apa bukti kepada mereka.

48. Oleh kerana asas pertuduhan terhadap Pemohon Pertama dan Pemohon Kedua dan empat anggota Responden yang lain yang turut dituduh adalah gambar dan laporan keratan akhbar dalam bahasa Cina iaitu Sin Chiew Jit Poh dan kesemua mereka adalah berbangsa Melayu dan tidak faham berbahasa Cina, maka terjemahan dan penjelasan ke atas kandungan keratan akhbar tersebut adalah amat material di dalam kes ini bagi membolehkan mereka memahami pertuduhan dalam Surat Tunjuk Sebab yang dikeluarkan oleh Responden dan membolehkan mereka memberikan jawapan atau membela diri. Dengan ini Tribunal mendapati bahawa pertuduhan terhadap Pemohon Pertama dan Pemohon Kedua dan empat lagi anggota Responden yang turut dituduh membuat kenyataan akhbar telah dibuat tanpa penyiasatan dan pengesahan yang teratur oleh Responden terlebih dahulu sebelum Surat Tunjuk Sebab dikeluarkan kepada kesemua mereka ini.

49. Persoalan yang berkait dengan dapatan Tribunal pada perenggan 46 di atas adalah sama ada kegagalan Responden untuk membekalkan bukti-bukti pertuduhan kepada Pemohon Pertama, Pemohon Kedua dan empat lagi anggota Responden yang lain telah memprejudis keupayaan mereka untuk menjawab surat tunjuk sebab yang dikeluarkan oleh Responden terhadap mereka? Peguam Responden menghujahkan bahawa setelah menerima surat-surat tunjuk sebab tersebut, Pemohon-Pemohon dan keempat-empat anggota Responden lain itu gagal untuk memberikan apa-apa jawapan kepada pertuduhan tersebut dikemukakan tetapi hanya meminta dikemukakan bukti berkenaannya.

50. Peguam Responden juga menghujahkan bahawa keempat-empat orang anggota Responden yang turut dituduh bersama-sama dengan Pemohon Pertama dan Kedua telah dipanggil menghadiri suatu perjumpaan dengan Jawatankuasa Kecil (JK) Displin

pada 22.12.2010 (**sila rujuk m/s 86 - 92 R3**) di mana ditunjukkan keratan suratkhbar Cina tersebut bersama terjemahannya dalam tayangan slide dan telah disoal tentang keratan akhbar Cina tersebut seperti dalam **m/s 95 R3** di mana:-

- (i) Keempat-empat mereka telah bersetuju bahawa mereka ada dalam gambar tersebut dan bahawa gambar tersebut telah diambil dihadapan Mahkamah di Georgetown dan mereka telah camkan anggota-anggota lain dalam gambar tersebut.
- (ii) Hj.Che Lah Bin Hassan telah mengaku bahawa mereka telah bergambar dihadapan pemberita.
- (iii) Encik Arabaye Bin Ibrahim pula telah mengaku bahawa beliau telah dijemput oleh Pemohon Pertama untuk hadir.

51. Ketika mesyuarat AJK Displin pada 4.1.2011 tersebut, sekali lagi kenyataan akhbar Cina tersebut dan terjemahannya telah dipaparkan di atas slide dan Pemohon Kedua telah menjawab soalan-soalan seperti dalam **m/s 98 - 99 R3** di mana beliau telah bersetuju ada dalam gambar tersebut, kenal semua dalam gambar tersebut dan camkan mereka dan mengesahkan bahawa gambar tersebut di ambil di hadapan Mahkamah di Georgetown. Walaubagaimanapun Pemohon Pertama enggan bekerjasama dan untuk turut serta dalam perjumpaan AJK Displin di mana beliau enggan mengiktiraf AJK Displin tersebut (**sila rujuk m/s 99 R3**). Peguam Responden menghujahkan bahawa Pemohon-Pemohon telah dikemukakan semua keterangan yang sedia ada berkenaan pertuduhan terhadap mereka tetapi mereka telah gagal menjawab pertuduhan terhadap mereka samada secara bertulis ataupun secara lisan ketika mesyuarat AJK Displin tersebut diadakan. Pemohon-Pemohon gagal memberikan apa-apa penerangan bagaimana kenyataan akhbar tersebut dapat dilaporkan walaupun mengakui bahawa gambar-gambar mereka ada dalam keratan suratkhbar Cina tersebut.

52. Peguam Pemohon Pertama dan Pemohon Kedua pula menghujahkan bahawa surat-surat Pemohon Pertama, Pemohon Kedua dan empat anggota yang dituduh seperti di mukasurat 80-85 dalam R3 jelas menyatakan permohonan dan keperluan untuk bukti atas dakwaan bagi membolehkan mereka menjawab pertuduhan yang dituduh. SP3 mengesahkan bahawa daripada kandungan surat-surat Pemohon Pertama, Pemohon Kedua dan empat anggota yang dituduh tersebut, beliau faham bahawa mereka meminta Responden membuktikan bahawa mereka telah membuat kenyataan akhbar. **(Sila rujuk perenggan ketiga dari bawah di mukasurat 36 dalam Nota Prosiding.)**

53. SR1 pula mengesahkan bahawa dari kandungan surat-surat Pemohon Pertama, Pemohon Kedua dan empat anggota yang dituduh tersebut, ia adalah jelas bahawa mereka telah meminta bukti terhadap dakwaan oleh Responden ke atas mereka untuk dikemukakan. **(Sila rujuk perenggan keempat dari bawah di mukasurat 48 dalam Nota Prosiding.)** Namun begitu, selain daripada slide keratan akhbar Cina tersebut, tiada sebarang bukti yang telah dikemukakan kepada Pemohon Pertama, Pemohon Kedua dan empat anggota yang dituduh tersebut. SP3 mengesahkan bahawa dalam Perjumpaan 4 Januari 2011 tersebut, keratan akhbar Cina tersebut TIDAK dijelaskan atau diterjemahkan kepada Pemohon-Pemohon Pertama dan Kedua dan juga mengesahkan bahawa sesalinan keratan akhbar Cina seperti di mukasurat 1 dalam R7 tidak dibekalkan kepada mereka.

54. Daripada penghujahan-penghujahan yang dibuat oleh Peguam-Peguam Pemohon-Pemohon dan Responden, Tribunal membuat dapatan bahawa tanpa adanya terjemahan atau penjelasan mengenai kandungan laporan akhbar Cina tersebut, Pemohon-Pemohon Pertama dan Kedua dan empat lagi anggota Responden yang turut dituduh tidak mampu untuk menjawab pertuduhan ke atas mereka kerana tidak memahami laporan akhbar berbahasa Cina tersebut. Keterangan SP3 yang

mengesahkan bahawa pada perjumpaan 4 Januari 2011 antara Pemohon Pertama dan Kedua dengan Jawatankuasa Kecil Disiplin Responden, keratan akhbar Cina tersebut TIDAK dijelaskan atau diterjemahkan kepada Pemohon-Pemohon Pertama dan Kedua dan juga mengesahkan bahawa sesalinan keratan akhbar Cina seperti di mukasurat 1 dalam R7 tidak dibekalkan kepada mereka.

55. Tambahan pula terjemahan laporan akhbar Cina tersebut yang dikatakan oleh SR1 ada ditayangkan dalam 'slide' adalah dalam Bahasa Inggeris. Tanpa apa-apa penjelasan ke atas tayangan 'slide' terjemahan tersebut, Tribunal membuat dapatan bahawa tiada bukti yang menunjukkan bahawa mereka telah diberi penjelasan mengenai terjemahan tersebut. Malahan, SR1 telah memberi keterangan pada mukasurat 48 Nota Prosiding bahawa hanya slide keratan akhbar yang ditayangkan dalam perjumpaan Jawatankuasa Kecil Disiplin dengan keempat-empat anggota lain Responden yang turut dituduh. Pada mukasurat 49 Nota Prosiding, SR1 memberi keterangan bahawa kesemua Pemohon Pertama, Kedua dan empat anggota lain Responden yang turut dituduh tidak diminta untuk mengesahkan kandungan laporan akhbar Cina tersebut.

56. Berdasarkan kepada dapatan-dapatan diatas, Tribunal mendapati bahawa Jawatankuasa Kecil Disiplin Responden tidak dapat menentukan dengan memuaskan bahawa kesemua mereka yang dikeluarkan Surat Tunjuk Sebab memahami kandungan laporan akhbar Cina tersebut dan bahawa kesemua mereka telah membuat kenyataan akhbar seperti yang dilaporkan dalam keratan akhbar Cina tersebut.

57. Daripada dapatan ini Tribunal seterusnya perlu mempertimbangkan sama ada Jawatankuasa Disiplin Responden telah menyiasat dan/atau mengesahkan kenyataan akhbar Cina tersebut pada perjumpaan pada 22 Disember 2010 dan 4 Januari 2011 dan bersikap adil? Keterangan yang menjadi asas penemuan oleh Jawatankuasa Kecil

Disiplin dan seterusnya Mesyuarat ALK bahawa keenam-enam mereka yang dikeluarkan Surat Tunjuk Sebab telah membuat kenyataan akhbar kepada pemberita Sin Chiew Jit Poh pada 3 Jun 2010 adalah berdasarkan kepada keterangan oleh, kecuali Pemohon Pertama, kelima-lima orang yang dikeluarkan Surat Tunjuk Sebab yang mengakui bahawa mereka telah hadir di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang dan telah bergambar bersama-sama dengan Pemohon Pertama dan Pemohon Kedua di hadapan pemberita seperti yang disiarkan dalam keratan akhbar Cina tersebut (pada mukasurat 49 dan 50 Nota Prosiding).

58. SR1 memberi keterangan bahawa terdapat 'slide' terjemahan keratan akhbar Cina tersebut semasa perjumpaan dengan Jawatankuasa Kecil Disiplin Responden dengan kesemua mereka yang dikeluarkan Surat Tunjuk Sebab dan bahawa ada seorang wakil berbangsa Cina dalam Jawatankuasa Kecil Disiplin tersebut untuk memberi penjelasan, jika diperlukan. Namun begitu, apabila ditanya oleh Tribunal adakah JK Disiplin pada mesyuaratnya bertarikh 22.12.2010 dan 04.01.2011 dan ALK pada mesyuaratnya pada 15.01.2011 mengambilkira dan mempertimbangkan terjemahan keratan akhbar Sin Chiew Jit Poh tersebut dalam membuat dapatan terhadap keenam-enam anggota yang dikeluarkan surat tunjuk sebab dan seterusnya dijatuhkan hukuman, SR1 telah memberi keterangan bahawa maklumat dalam terjemahan langsung tidak ditanya atau dipertimbangkan. Terjemahan itu hanya disediakan dalam slide. Apabila anggota masuk ke dalam bilik mesyuarat slide dipamerkan dan 7 soalan seperti pada muka surat 95, 98 dan 99 R3 ditanya. (mukasurat 71 Nota Prosiding). Keterangan-keterangan ini jelas menunjukkan bahawa Jawatankuasa Disiplin menyandarkan dapatan mereka kepada gambar yang disiarkan dalam akhbar Cina tersebut manakala terjemahannya langsung tidak ditanyakan kepada kesemua tertuduh.

59. Apabila diminta oleh Tribunal untuk menerangkan kepada Tribunal bagaimanakah perbincangan dibuat ke atas kandungan terjemahan keratan akhbar Sin

Chiew Jit Poh dan bagaimanakah ALK membuat keputusan bahawa kesemua anggota tersebut telah membuat kenyataan akhbar berdasarkan kepada kandungan terjemahan dalam SR13, SR1 menjawab bahawa: “Berdasarkan terjemahan keratan akhbar Sin Chiew Jit Poh, ALK membuat keputusan bahawa Pemohon Pertama yang membuat kenyataan akhbar berdasarkan ayat yang berbunyi :*“the claimant Razmin Osman pointed out that....”*. Apabila saya mendapat terjemahan ini daripada Ideal Properties Development Sdn Bhd., saya sendiri yang meminda nama Razmin Osman kepada Rahim Osman. Ini adalah kerana pada pendapat saya orang yang membuat terjemahan ini tersilap.”.

60. Ini jelas menunjukkan bahawa keputusan yang dibuat oleh ALK Responden terhadap Pemohon Pertama bahawa Pemohon Pertama telah membuat kenyataan akhbar tersebut turut dipengaruhi oleh terjemahan keratan akhbar Cina tersebut. Sebaliknya, pembuat terjemahan itu tidak dipanggil untuk memberi keterangan mengenai terjemahan yang telah dibuat olehnyamanakala SR1 yang bukan merupakan orang yang membuat terjemahan tersebut telah mengaku bahawa beliau telah membuat pindaan ke atas terjemahan tersebut tanpa mendapatkan pengesahan oleh penterjemah terjemahan dalam R13 tersebut. Terjemahan tersebut hanya digunakan untuk menyabitkan Pemohon Pertama berdasarkan kepada bahagian terjemahan yang merujuk kepada orang yang SR1 percaya sepatutnya merujuk kepada Pemohon Pertama manakala bahagian lain terjemahan langsung tidak dipertimbangkan atau ditanya kepada Pemohon Pertama.

61. Pada muka surat 70 Nota Prosiding, SR1 mengaku bahawa hanya tujuh soalan yang ditanyakan oleh Jawatankuasa Kecil Disiplin kepada kesemua mereka yang dikeluarkan Surat Tunjuk Sebab kecuali Pemohon Pertama yang enggan mengiktiraf Jawatankuasa tersebut. SR1 juga bersetuju bahawa ketujuh-tujuh soalan tersebut tidak ada kena mengena langsung dengan terjemahan yang disediakan. Seterusnya SR1 juga bersetuju bahawa tiada satupun soalan berhubung siapa yang membuat

kenyataan akhbar itu serta mencabar kesahihan kenyataan akhbar tersebut ditanya oleh Jawatankuasa Kecil Disiplin kepada kesemua mereka pada pertemuan pada 22.12 2010 dan 4.1 2011.

62. Apabila ditanya oleh Tribunal bagaimanakah Jawatankuasa Kecil Disiplin boleh membuat dapatan yang selain daripada keterangan mengenai gambar sahaja sedangkan kesemua soalan yang dikemukakan hanyalah berkaitan dengan gambar yang disiarkan dalam akhbar Cina tersebut, SR1 menjawab “Apabila ditanya oleh Peguam Pemohon saya ada menjawab beberapa faktor lain yang diambil kira terutama terhadap Pemohon Pertama dan Kedua. Pemohon Pertama apabila dipanggil ke dalam bilik mesyuarat dia langsung tidak menghormati Jawatankuasa Kecil Disiplin yang diambilkira sebagai salah satu faktor keputusan bahawa Pemohon Pertama yang membuat kenyataan akhbar. Faktor-faktor lain ialah beliau adalah plaintif dalam writ saman terhadap Responden. Beliau juga yang menjemput Encik Arabaye bin Ibrahim. Pemohon Kedua didapati membuat kenyataan akhbar berdasarkan kepada gambar kerana beliau memegang writ saman dan juga sikap beliau yang tidak bekerjasama dengan Jawatankuasa Kecil Disiplin. Manakala empat lagi anggota didapati melakukan kenyataan berdasarkan kepada gambar yang disiarkan dalam keratan akhbar tersebut”.

63. Keterangan oleh SR1 ini jelas menunjukkan bahawa Pemohon Kedua pula disabitkan dengan kesalahan tersebut atas alasan beliau mengaku bergambar di perkarangan Mahkamah Tinggi pada hari tersebut dan bahawa Pemohon Kedua enggan bekerjasama. Adalah jelas bahawa beban pembuktian bahawa kesemua mereka yang dituduh hendaklah dibuktikan oleh Responden telah membuat kenyataan akhbar tersebut berdasarkan kepada bukti yang kukuh dan bukannya spekulasi semata-mata. Kegagalan atau keengganan Responden untuk memanggil saksi-saksi yang penting kerana tidak dapat dihubungi atau dianggap oleh Responden sebagai tidak material tidak melepaskan Responden daripada mengemukakan bukti-bukti tersebut dan adalah tidak selamat untuk Responden membuat andaian sedemikian.

64. Pada mukasurat 71 Nota Prosiding, SR1 mengakui bahawa dapatan Jawatankuasa Kecil Disiplin selain daripada yang dilaporkan pada mukasurat 95,98 dan 99 adalah dibuat secara lisan. Walaupun pembentangannya ada direkodkan, namun SR1 tidak pasti sama ada ianya masih ada dalam simpanan Responden. Tribunal juga mengambil maklum bahawa SR1 adalah Pengerusi Responden telah menandatangani Surat Tunjuk Sebab ke atas kesemua tertuduh, mempengerusikan Jawatankuasa Kecil Disiplin, membentangkan hasil dapatan Jawatankuasa Kecil Disiplin kepada Mesyuarat ALK pada 15.1.2011 di mana beliau juga merupakan pengerusi mesyuarat ALK tersebut yang seterusnya membuat keputusan dan menjatuhkan hukuman ke atas Pemohon Pertama, Pemohon Kedua dan empat lagi anggota Responden yang turut dituduh.

65. Peranan yang dimainkan oleh SR1 jelas menunjukkan terdapat percanggahan kepentingan oleh SR1 dalam setiap forum yang diwakilinya. Oleh sebab yang demikian, kesemua mereka yang dituduh seperti dalam Surat Tunjuk Sebab tidak mendapat suatu pendengaran atau siasatan yang bebas, telus dan adil. Keadaan ini bertambah rumit terhadap Pemohon Pertama yang memberi keterangan bahawa beliau mempunyai masalah peribadi dengan tiga orang daripada lima orang anggota Jawatankuasa Kecil Disiplin tersebut iaitu SR1, Hj. Zainal Abidin dan Encik Razak Bin Maidin dan meminta suatu Jawatankuasa Kecil Disiplin yang bebas diwujudkan bagi mengendalikan prosiding terhadap beliau. Permohonan Pemohon Pertama telah ditolak atas alasan bahawa ia merupakan amalan dalam Responden dan bahawa anggota Jawatankuasa Kecil Disiplin tersebut adalah bersikap profesional.

66. Berdasarkan kepada pelbagai peranan yang dimainkan oleh SR1 dalam keseluruhan kemelut pertikaian ini dan lebih-lebih lagi apabila diminta oleh tertuduh supaya satu badan siasatan yang bebas diwujudkan bagi mengendalikan siasatan terhadapnya, sewajarnya suatu Jawatankuasa Kecil Disiplin yang bebas daripada

mereka yang menjadi bantahan oleh Pemohon Pertama untuk menyiasat tuduhan terhadap Pemohon Pertama diwujudkan oleh Responden. Keadaan ini juga ditambah oleh latarbelakang pertikaian yang pernah dilalui oleh Pemohon Pertama dengan SR1 dan dua orang lagi yang beliau telah namakan dalam urusan Pentadbiran Responden. Tindakan Jawatankuasa Kecil Responden untuk tidak melayani permintaan Pemohon Pertama dan sebaliknya menghentikan sesi pertemuan terhadap Pemohon Pertama kerana Pemohon Pertama tidak mengiktiraf Jawatankuasa Kecil Disiplin tersebut telah sama sekali menafikan hak asasi Pemohon Pertama untuk didengar oleh Responden.

67. Tindakan Jawatankuasa Kecil Disiplin membuat dapatannya sendiri berdasarkan kepada pengakuan kelima-lima tertuduh lain bahawa kesemua mereka telah hadir di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang dan telah bergambar di hadapan pemberita dan terjemahan yang merujuk kepada nama seorang lain yang kemudiannya dipinda sendiri oleh SR1 tanpa merujuk kepada penterjemah asal keratan akhbar Cina itu amat meragukan dan hanya menonjolkan percanggahan kepentingan yang dilakukan oleh SR1. Dalam hubungan ini, SR1 dilihat memakai topi sebagai penyiasat, pendakwa dan menghakimi pertuduhan bukan sahaja terhadap Pemohon Pertama tetapi juga terhadap kesemua mereka yang lain yang turut dipertuduhkan seperti dalam Surat Tunjuk Sebab.

68. Kegagalan Responden memanggil penterjemah SR13 atau terjemahan pada mukasurat 71-73 R3 menyebabkan R13 tidak boleh diterima sebagai keterangan yang konklusif mengenai kandungan terjemahan keratan akhbar Cina tersebut. Ini juga ditambah dengan adanya percanggahan terjemahan mengenai bilangan sebenar mereka yang dirakamkan dalam gambar, pengakuan kelima-lima tertuduh kecuali Pemohon Pertama dan terjemahan dalam R13 dan mukasurat 73 R3 yang mengatakan Pemohon Pertama dan sepuluh orang lain telah hadir di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang ketika kenyataan akhbar itu dikatakan dibuat merupakan percanggahan keterangan yang gagal dijelaskan oleh Responden.

69. Seterusnya, Tribunal mempertimbangkan jenis hukuman yang dijatuhkan oleh ALK Responden terhadap Pemohon Kedua berbanding dengan empat lagi anggota Responden yang lain yang turut dituduh. Menurut SR1 pada mukasurat 55-58 Nota Prosiding, bukti yang dipertimbangkan oleh ALK untuk mensabitkan Pemohon Pertama dan Kedua adalah “pertamanya berdasarkan kepada gambar dalam keratan akhbar tersebut di mana Pemohon Pertama dan Kedua dirakamkan gambar mereka memegang writ saman. Keduanya secara logiknya, sekiranya Pemohon Pertama tidak membuat apa-apa kenyataan akhbar pada hari tersebut maka pihak surat khabar Sin Chiew Jit Poh sudah tentu tidak akan menyiarkan berita tersebut. Ketiganya, pengakuan daripada keempat-empat anggota yang dituduh dan Pemohon Kedua yang tidak menafikan bahawa gambar yang disiarkan dalam keratan akhbar Cina tersebut mengandungi gambar mereka. Keempat, Encik Arabaye bin Ibrahim mengaku bahawa Pemohon Pertama yang memaklumkan kepada beliau untuk hadir ke mahkamah pada hari itu. Oleh kerana keempat-empat anggota yang dituduh memberikan kerjasama dan menyatakan kekesalan terhadap tindakan mereka kerana hadir pada hari itu maka Lembaga Responden membuat keputusan supaya keempat-empat mereka diberi amaran sahaja.”.

70. SR1 juga memberi keterangan bahawa “Berdasarkan soalan 6 apabila Jawatankuasa Kecil Disiplin bertanya tentang dokumen yang dipegang oleh beliau, iaitu siapakah yang memberikan dokumen, apakah kandungan dokumen dan siapa yang menyuruh untuk memegang dokumen?”, Pemohon Kedua tidak memberi kerjasama kerana memberi jawapan yang beliau tidak tahu mengenainya. Tingkah laku beliau tidak sopan dan bahasa digunakan agak kasar. Oleh itu Jawatankuasa Kecil Disiplin berpendapat beliau tidak bercakap benar. Tetapi apabila ditanya mengenai Haji Ishak bin Malek dan Encik Kamaruddin bin Bidin kepada soalan 7 telah juga tidak bekerjasama kerana menjawab tidak tahu siapa yang memaklumkan kepada mereka untuk hadir pada hari tersebut di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang, SR1 tidak bersetuju dengan Peguam Pemohon-Pemohon.

71. Menurut SR1 lagi, dalam kes Haji Ishak bin Malek dan Encik Kamaruddin bin Bidin, Jawatankuasa Kecil Disiplin percaya dengan jawapan mereka manakala dalam kes Pemohon Kedua Jawatankuasa Kecil Disiplin tidak percaya kepada jawapan yang diberikan. Begitu juga berdasarkan kepada jawapan oleh Hj Arabaye bahawa beliau dimaklumkan oleh Pemohon Pertama untuk hadir di Mahkamah Tinggi pada hari tersebut, maka Haji Ishak bin Malek yang menjemput Haji Che Lah bin Hassan pada hari tersebut sepatutnya juga diberikan tindakan yang sama seperti yang diberikan terhadap Pemohon Pertama, SR1 tidak bersetuju.

72. Adalah jelas bahawa daripada keterangan-keterangan tersebut, ALK Responden menggunakan pertimbangan dan mengenakan hukuman yang berbeza ke atas jawapan dan senario yang sama yang dilakukan oleh empat anggota Responden yang lain yang turut dituduh berbanding dengan jawapan dan tindak-tanduk Pemohon Pertama Dan Pemohon Kedua.

73. Berdasarkan kepada dapatan-dapatan yang dibuat oleh Tribunal berhubung dengan Isu Kedua ini, Tribunal memutuskan bahawa pertuduhan yang dibuat oleh Responden ke atas Pemohon Pertama, Pemohon Kedua dan empat lagi anggota Responden yang turut hadir di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang telah dibuat tanpa mempunyai bukti yang kukuh. Kegagalan Responden untuk memberikan bukti-bukti mengenai kenyataan akhbar yang dituduh dilakukan oleh mereka seperti dalam Surat Tunjuk Sebab yang dikeluarkan oleh Responden telah memprejudis atau menjejaskan mereka daripada mengemukakan apa-apa keterangan untuk memberi sebab mengapa keanggotaan mereka tidak patut digantung. Seterusnya Tribunal mendapati bahawa proses siasatan oleh Jawatankuasa Kecil Disiplin yang dipengerusikan oleh SR1 yang melaporkan dapatan mereka kepada ALK Responden yang dipengerusikan oleh SR1 dan pembentangan dapatan Jawatankuasa tersebut kepada ALK dibuat secara lisan oleh SR1 jelas menunjukkan tiada penyiasatan yang bebas telah mengendalikan siasatan dan seterusnya menimbangkan tanggungan kesemua tertuduh. Hukuman

yang dijatuhkan ke atas Pemohon Pertama dan Pemohon Kedua berbanding dengan empat anggota Responden yang lain itu menggambarkan ALK Responden membuat keputusan secara sewenang-sewenang (arbitrary) dan tidak berlaku adil kepada kesemua pihak-pihak yang terlibat.

74. Tribunal juga mendapati bahawa sabitan oleh ALK Responden ke atas Pemohon Pertama, Pemohon Kedua dan empat lagi anggota Responden yang turut hadir di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang adalah terlalu lemah kerana ianya bergantung semata-mata ke atas gambar dalam keratan akhbar Cina Sin Chiew Jit Poh dan pengakuan kelima-lima mereka kecuali Pemohon Pertama bahawa mereka telah bersama-sama berada di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang pada hari tersebut dan telah bergambar di hadapan pemberita. Keterangan dalam terjemahan keratan akhbar Cina tersebut langsung tidak dimaklumkan atau diperjelaskan kepada semua tertuduh dan malahan Jawatankuasa Kecil Disiplin tidak langsung menyandarkan dapatan mereka ke atas keterangan dalam terjemahan keratan akhbar tersebut.

75. Tribunal juga mendapati bahawa SR1 telah mengganggu keterangan dalam R13 apabila beliau membuat pindaan nama seorang lain kepada nama Pemohon Pertama tanpa merujuk kepada penterjemah asal R13. Tribunal juga mendapati bahawa terdapat percanggahan keterangan dalam terjemahan pada mukasurat 73 R3 dan perenggan terakhir R13 yang mengatakan Pemohon Pertama berada di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang bersama-sama dengan sepuluh orang yang lain manakala kesemua tertuduh dalam kes ini hanya mengakui mereka berenam sahaja yang berada di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang pada hari tersebut. Akibatnya, kegagalan Responden memanggil penterjemah yang menterjemah keratan akhbar Cina tersebut seperti pada muka surat 71-73 R3 dan R13 adalah satu kegagalan yang material dan menjadikan dokumen-dokumen tersebut sebagai keterangan yang tidak konklusif dan memerlukan sokongan (corroboration) di mana tiada apa-apa keterangan yang dapat menyokong kandungan dokumen-dokumen tersebut telah dikemukakan oleh Responden.

76. Beban pembuktian untuk membuktikan bahawa Pemohon Pertama dan Pemohon Kedua bersama-sama dengan empat lagi anggota Responden yang turut hadir di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang adalah terletak di atas Responden. Tribunal berpuashati berdasarkan kepada keterangan-keterangan yang dikemukakan dan di atas kegagalan Responden memanggil saksi yang material, Responden telah gagal membuktikan bahawa kesemua mereka telah membuat kenyataan akhbar di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang pada 3 Jun 2010. Oleh sebab yang demikian, penggantungan keanggotaan Pemohon Pertama dan Pemohon Kedua yang dibuat oleh Responden di bawah UUK 23(1)(b) dan seterusnya pemecatan keanggotaan Pemohon Pertama dan Pemohon Kedua menerusi lebih daripada undi dua pertiga (2/3) pada MAT Responden ke-39 adalah tidak sah dan terbatal. Dengan demikian, Pemohon Pertama dan Pemohon Kedua masih merupakan anggota Responden yang sah dan berhak ke atas segala hak yang boleh dinikmati oleh anggota Responden yang berdaftar. Begitu juga Tribunal memutuskan bahawa surat amaran keras terhadap empat lagi anggota Responden yang turut hadir di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang pada 3 Jun 2010 adalah juga tidak sah.

ISU KETIGA: GANTIRUGI DAN KOS

77. Peguam Pemohon-pemohon menghujahkan bahawa selain daripada manfaat yang sepatutnya diberikan kepada Pemohon Pertama dan Pemohon Kedua, suatu amaun sebagai ganti rugi untuk kesengsaraan dan kejatuhan air muka kedua-dua Pemohon adalah terletak kepada Tribunal untuk diputuskan. Gantirugi tersebut hendaklah berpatutan dengan kesengsaraan yang dialami akibat tindakan Responden yang salah, tidak teratur, tidak konsisten, tidak adil dan tidak dapat diterima. Peguam Pemohon-Pemohon tidak menjelaskan atau menghujahkan dengan lebih lanjut jenis, tanggungan dan had gantirugi yang wajar dibayar kepada Pemohon Pertama dan Pemohon Kedua. Pemohon Pertama dan Pemohon Kedua juga memohon relif atau perintah lain yang difikirkan wajar dan adil oleh Tribunal.

78. Sebaliknya Peguam Responden menghujahkan bahawa Pemohon-Pemohon telah gagal untuk membuktikan ganti rugi mereka. Walau apapun, apa-apa ganti rugi yang mungkin diawardkan haruslah terhad kepada soal kehilangan manfaat akibat penggantungan dan pemecatan Pemohon-Pemohon sahaja iaitu seperti berikut:

Pemohon pertama RM 7,456.72 (perincian seperti di muka surat 26 di Hujahan A)

Pemohon Kedua RM 5,750.00 (perincian seperti di muka surat 27 di Hujahan A)

79. Berhubung dengan kos, Peguam Responden menghujahkan bahawa kos hendaklah dibayar kepada Responden sekiranya menang atau kalah dalam kes ini berdasarkan bahawa pihak Responden telah membuat suatu tawaran penyelesaian berdasarkan prinsip yang terpakai dalam Aturan 22B Kaedah 9 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012. Sebaliknya Peguam Pemohon-Pemohon menghujahkan bahawa hujahan Peguam Responden adalah langsung tidak munasabah kerana tawaran penyelesaian tidak menjadi suatu isu untuk mendapatkan bayaran kos kepada mana-mana pihak sekiranya menang atau kalah. Peguam Pemohon-Pemohon menyerahkan isu ini untuk diputuskan oleh Tribunal.

80. Oleh kerana Pemohon Pertama dan Pemohon Kedua tidak menyatakan dengan terperinci kos yang hendak dituntut, Tribunal ini mendapati bahawa adalah wajar supaya Pemohon Pertama dan Pemohon Kedua dibayar gantirugi ke atas kehilangan manfaat akibat penggantungan dan pemecatan keanggotaan mereka dalam Responden seperti yang ditawarkan oleh Responden iaitu:

Pemohon pertama RM7,456.72 (perincian seperti di muka surat 26 di Hujahan A) dan Pemohon Kedua RM5,750.00 (perincian seperti di muka surat 27 di Hujahan A).

81. Berhubung dengan gantirugi kehilangan air muka, tuntutan ini adalah berkaitan dengan saman malu atau fitnah dan ianya adalah di luar bidangkuasa Tribunal ini. Terpulanglah kepada pemohon Pertama dan Pemohon Kedua sama ada untuk

memfailkan tuntutan tersebut di Mahkamah Sivil. Tribunal juga mengarahkan supaya Responden membayar kos Pemohon Pertama dan Pemohon Kedua dalam tuntutan ini berdasarkan kepada skala fi dalam Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012.

.....
HAMIDUN BIN DATUK HAJI ABDUL FATAH
PENGERUSI TRIBUNAL
SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

21 Mac 2013